



Headline : Deleum dapat kontrak baharu  
Media : Yahoo News Online  
Day/Date : 22 July 2013  
Page :  
Links : <http://my.news.yahoo.com/delium-dapat-kontrak-baharu-131600446.html>

## DELIUM DAPAT KONTRAK BAHARU



*Bernama Media – 12 hours ago*

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Anak syarikat milik penuh Deleum Bhd, Deleum Oilfield Services Sdn Bhd, mendapat kontrak baharu untuk menyediakan kelengkapan dan perkhidmatan bagi program penggerudian pengendali kontrak perkongsian pengeluaran dan operasi pengeluaran.

Kontrak baharu selama lima tahun yang diberikan oleh Petronas Carigali Sdn Bhd, Newfield Peninsula Malaysia Inc, Newfield Sarawak Malaysia Inc, Newfield Sabah Malaysia Inc, ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc dan Petrofac Ltd itu bermula pada Jun dan Julai, kata syarikat itu dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia.

"Kontrak itu dijangka menyumbang kepada perolehan dan aset bersih sesaham Deleum bagi sepanjang tempoh kontrak itu," katanya.

-- BERNAMA